








<https://xtremepape.rs/>

1 Lihat gambar-gambar berikut.



Tulis huruf yang betul (A–F) di dalam kotak jawapan yang betul.

(a) Zain suka masak dengan ibu.

[1]

(b) Zain sapu sampah di dalam rumah.

[1]

(c) Zain siram pokok bunga di taman.

[1]

(d) Zain cuci kereta yang kotor.

[1]


(e) Zain mengecat dinding bilik.

[1]

[Jumlah: 5]

2 Lihat papan-papan tanda ini.

Di Pusat Bandar




Bagi setiap kenyataan, tulis huruf yang betul (**A–H**) dalam kotak.

- | | | |
|--|----------------------|-----|
| (a) Orang ramai boleh meminjam buku di sini. | <input type="text"/> | [1] |
| (b) Di sini ada pelbagai jenis makanan. | <input type="text"/> | [1] |
| (c) Tempat menunggu pengangkutan awam. | <input type="text"/> | [1] |
| (d) Anda boleh bermain bola sepak di sini. | <input type="text"/> | [1] |
| (e) Anda boleh melihat barang antik di sini. | <input type="text"/> | [1] |

[Jumlah: 5]

3 Baca e-mel berikut dengan teliti. Tanda (✓) pada jawapan yang betul.



(a) Sani mahu memancing di ...

- A laut. ☐
- B tasik. ☐
- C sungai. ☐

[1]

(b) Tempat memancing dekat dengan ...

- A rumah nenek. ☐
- B rumah Farhan. ☐
- C rumah Sani. ☐

[1]

(c) Sani akan alat memancing kepada Farhan.

A memberi

☐

B menjual

☐

C meminjamkan

☐

[1]

(d) Ikan yang dimasak oleh ibu sangat ...

A masin.

☐

B lazat.

☐

C tawar.

☐

[1]

(e) Apakah aktiviti lain yang Sani cadangkan?

A berkelah

☐

B berenang

☐

C berjalan

☐

[1]

(f) Mereka akan menjemput Farhan dengan ...

A motorsikal.

☐

B van.

☐

C kereta.

☐

[1]

(g) Semasa perjalanan pulang mereka akan singgah untuk membeli ...

A durian.

☐

B rambutan.

☐


C betik.

☐

[1]

[Jumlah: 7]

4 Baca e-mel di bawah dan jawab soalan-soalan berikutnya dalam **Bahasa Melayu**.



(a) Biasanya, apakah yang Sufian buat semasa cuti sekolah?

..... [1]

(b) Bagaimanakah Sufian mendapat basikalnya?

..... [1]

(c) Mengapakah ibu bapa Sufian membenarkan dia ikut aktiviti berbasikal itu sekarang?

..... [1]

(d) Apakah yang Sufian dan kawan-kawannya akan buat sepanjang perjalanan? Beri **dua** jawapan.

1

2 [2]

(e) Apakah cadangan Sufian kepada Amran?

..... [1]

(f) Bagaimanakah Sufian tahu tentang pengalaman Amran?

..... [1]

(g) Mengapakah Amran membuat kayuhan sehingga ke Indonesia?

..... [1]

(h) Berapa lamakah mereka dijangka berada di bandar Melaka?

..... [1]

(i) Bagaimanakah Amran boleh menghubungi Sufian?

..... [1]

(j) Apakah yang Sufian harapkan daripada Amran?

..... [1]

(k) Apakah cita-cita masa depan Sufian?

..... [1]

[Jumlah: 12]

5 Baca kenyataan-kenyataan (a–e) dan iklan (1–8).

Padankan nama tempat dengan aktiviti.

Bagi setiap kenyataan (a–e) tulis nombor yang betul (1–8) di atas garisan.

AKTIVITI ISTIMEWA UNTUK HARI IBU

a		Ibu saya seorang yang sangat aktif. Semasa zaman mudanya, dia melibatkan diri dalam sukan ekstrem seperti mendayung dan memanjat gunung. Saya ingin mencari tempat yang menyediakan aktiviti yang penuh cabaran.	
b		Untuk Hari Ibu saya ingin mencari tempat yang jauh dari bandar. Saya ingin menyewa sebuah rumah tradisional untuk ibu dimanjakan dengan makanan segar dan tradisional, urut asli serta dandanan.	
c		Selepas bersara, ibu saya sentiasa menjaga cucu-cucunya. Saya dan kakak saya ingin membawa ibu ke sebuah tempat membeli-belah berjenama supaya dia boleh berbelanja apa sahaja yang dia minati...kami yang membayar!	
d		Ibu sangat suka makan makanan segar seperti buah-buahan dan ulam-ulaman. Saya mahu mencari sebuah dusun yang mempunyai pelbagai tanaman supaya ibu boleh menikmati apa yang diinginiya sambil beristirehat.	
e		Ibu saya seorang peminat dan penggiat seni. Dia merupakan seorang penari klasik semasa zaman mudanya. Saya ingin membawanya ke pesta seni tarian tradisional untuk membawa kembali kenangan lamanya.	

- 1 *Desa Ayu* – Tempat untuk memuaskan selera kalau anda menggemari buah-buahan dan ulam-ulaman segar yang boleh dipetik dari taman. Anda boleh makan di sini sambil menikmati pemandangan indah atau bawa pulang. Ada juga pusat kraftangan yang menjual beg buatan tangan.
- 2 *Rumah Dandanan Ibu Baharu* – Kalau anda baru sahaja melahirkan anak dan mahu dimanjakan, kami mempunyai perkhidmatan yang anda perlukan. Bukan sahaja kami sediakan makanan untuk ibu berpantang tetapi juga khidmaturut yang menjamin anda sihat dan segar semula.
- 3 *Bandar Kayangan* mempunyai empat puluh buah gedung pakaian, kasut, beg tangan dan pelbagai produk berjenama idaman semua. Segalanya tersedia untuk anda – dan anda akan dilayani dengan sempurna oleh kakitangan kami. Setiap gedung mempunyai jurujual peribadi yang akan melayani anda.
- 4 *Taman Merpati* merupakan sebuah kawasan tanah rata yang tidak jauh dari laut. Terdapat aktiviti membina semangat berpasukan seperti meneroka gua-gua kecil di persisiran pantai dan sukan air. Semua aktiviti sesuai untuk orang dewasa yang berusia 18 tahun ke atas sahaja.
- 5 *Pesta Budaya Tari Pulau Pinang* – Di sini anda berpeluang menikmati persembahan tarian pelbagai bangsa; Tarian Odisi India, Tarian Cina, Tarian Sumazau Sabah dan Tarian Orang Ulu Sarawak serta Tarian Asyik. Juga terdapat bengkel kerja untuk menghayati asal usul tarian-tarian ini.
- 6 *Desa Cempaka* dengan kemudahan-kemudahannya yang unik akan membawa anda ke zaman dahulu yang aman. Nikmatilah masakan asli yang dihidangkan kepada anda di persekitaran semula jadi. Serahkan diri anda untuk dimanjakan dengan rawatan-rawatan kesihatan yang asli – sesuai untuk wanita yang ingin pengalaman menyegarkan.
- 7 *Medan Tari* – Datanglah beramai-ramai untuk menikmati tarian-tarian yang disukai ramai oleh generasi sekarang. Tarian berkumpulan boleh dipelajari dalam sedikit masa sahaja dan para peserta boleh mengambil bahagian beramai-ramai sambil berkenalan. Anda juga boleh menyertai persembahan pada akhir acara.
- 8 *Kelab Duyung* menyediakan aktiviti yang menarik bagi mereka yang suka sukan lasak. Kami menyediakan acara seperti berkayak, meluncur air dan menyelam. Aktiviti-aktiviti ini terbuka kepada semua golongan umur yang berani dan suka cabaran. Keselamatan anda adalah keutamaan kami.

[Jumlah: 5]

6 Baca blog di bawah dan jawab soalan-soalan berikutnya dalam **Bahasa Melayu**.

Persiapan Karnival Malaysia di London

Seminggu sebelum Karnival Malaysia, Kak Siti sudah mula siapkan kuih-muih Melayu untuk dijual di gerainya di acara tahunan itu. Kami sudah menanti dengan penuh kesabaran dan ingin meraikan pesta ini bersama-sama keluarga dan juga sahabat-sahabat di perantauan sejak karnival terakhir dua tahun lalu.

Semasa karnival tahun-tahun lalu, gerai Kak Siti adalah antara beberapa gerai makanan Malaysia di situ. Biasanya barisan berliku-liku orang menunggu untuk membeli juadahnya seperti pulut panggang, seri muka, bingka ubi, tepung talam dan banyak lagi. Kak Siti memang ada ramai penggemar masakannya.

Ramai yang tidak tahu membuat kuih-kuih tradisional sebegini. Walaupun sekarang ini bahan-bahannya mudah didapati di sini, untuk membuatnya tetap sangat rumit. Jadi, kuih-muih sebegini jarang didapati di London.

Walaupun Kak Siti sudah lama tinggal di perantauan, dia ingat semasa dia kecil dahulu di tanah air, dia memerhatikan ibunya membuat kuih-muih untuk dijual. Kemudian dia mula membuat sukatan adonan dan menguli. Lama kelamaan dia boleh membuat sendiri beberapa jenis kuih ini.

Sekarang ini memang boleh mempelajari apa-apapun menerusi YouTube tetapi hasilnya masih tidak sama dengan hasil mempelajarinya daripada ibu sendiri.

Dua orang adik beradik juga sibuk membuat persiapan untuk Karnival Malaysia. Anisa dan Ainon yang sudah lama belajar tarian tradisional Melayu berlatih untuk menunjukkan bakat mereka kepada warga negara tempatan. Orang-orang tempatan biasanya teruja melihat tarian-tarian tradisional yang sedikit sebanyak mencerminkan budaya kaum berbilang bangsa di Malaysia.

Saya sendiri tidak mahu ketinggalan dan telah mengajar anak-anak Malaysia beberapa buah lagu dalam bahasa Melayu. Ramai yang dilahirkan di sini jarang berpeluang untuk mendengar lagu-lagu dalam bahasa ibunda. Kanak-kanak yang berusia antara 12 hingga 15 tahun ini gigih berlatih untuk menyanyi lagu-lagu patriotik dengan bersemangat.

Walaupun karnival ini tidak selalu diadakan, ia sememangnya membawa bersama rakyat Malaysia di perantauan dan mengubat rasa rindu terhadap tanah air. Mereka juga boleh berkenalan dengan penduduk tempatan.

(a) Mengapakah Kak Siti sibuk seminggu sebelum Karnival Malaysia diadakan?

..... [1]

(b) Mengapakah warga Malaysia di perantauan tertunggu-tunggu karnival tersebut?

..... [1]

(c) Mengapakah biasanya ada barisan panjang menuju gerai Kak Siti?

..... [1]

(d) Beri **dua** jawapan mengapa kuih-muih tradisional susah didapati di London.

- 1
- 2 [2]

(e) Bagaimanakah Kak Siti mula berminat untuk belajar membuat kuih-muih tradisional?

..... [1]

(f) Mengapakah masih tidak mencukupi untuk belajar dalam talian?

..... [1]

(g) Apakah yang menarik tentang tarian-tarian tradisional Malaysia?

..... [1]

(h) Apakah jenis lagu yang sekumpulan anak-anak Malaysia akan persembahkan?

..... [1]

(i) Beri **dua** cara karnival ini menolong menjalinkan persahabatan.

- 1
- 2 [2]

[Jumlah: 11]

BLANK PAGE

Permission to reproduce items where third-party owned material protected by copyright is included has been sought and cleared where possible. Every reasonable effort has been made by the publisher (UCLES) to trace copyright holders, but if any items requiring clearance have unwittingly been included, the publisher will be pleased to make amends at the earliest possible opportunity.

To avoid the issue of disclosure of answer-related information to candidates, all copyright acknowledgements are reproduced online in the Cambridge Assessment International Education Copyright Acknowledgements Booklet. This is produced for each series of examinations and is freely available to download at www.cambridgeinternational.org after the live examination series.

Cambridge Assessment International Education is part of Cambridge Assessment. Cambridge Assessment is the brand name of the University of Cambridge Local Examinations Syndicate (UCLES), which is a department of the University of Cambridge.